

Kerajaan Selangor Ada Kuasa Ketepi Keputusan SYABAS
Bernama
17 Julai, 2012

SHAH ALAM, 17 Julai (Bernama) -- Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata kerajaan negeri mempunyai kuasa untuk mengenenpikan sebarang keputusan yang dibuat oleh Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) berhubung kelulusan permohonan pembangunan baru di negeri itu.

Beliau berkata berdasarkan perjanjian konsesi penswastaaan air, Pengarah Kawal Selia Air Selangor Datuk Nordin Sulaiman yang juga Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU) negeri mempunyai kuasa untuk berbuat demikian. Abdul Khalid berkata kira-kira 60 pengusaha industri terjejas berikutan permohonan kelulusan pembangunan mereka ditolak oleh SYABAS.

"Kebiasannya, bagi mendapatkan kelulusan untuk pembangunan, setiap jabatan akan menjawab 'ya' atau 'tidak' atau 'boleh dipertimbang' tetapi bagi SYABAS mereka memutuskan untuk menjawab 'tidak dicadangkan'.

"Bagaimanapun, kerajaan negeri mempunyai Kawal Selia Air untuk meneliti perkara ini dan SYABAS bukanlah pihak yang mempunyai kuasa untuk memberi keputusan akhir berhubung pemberian kelulusan," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Vibrant Selangor 2012: Seminar & Showcase anjuran Selangor State Investment Centre (SSIC) di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) di sini Selasa.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681352>

